



**PENGERUSI JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
MERANGKAP AHLI PARLIMEN ROMPIN**
PEJABAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN MALAYSIA, JALAN PARLIMEN
50680 KUALA LUMPUR

Tel : 03-2601 7263 / 2698 6852 (DL)
Faks : 03-2698 9218
Email : pacparlimen@parlimen.gov.my
Laman Web : <http://www.parlimen.gov.my/pac>

3 Ogos 2017

**KENYATAAN MEDIA YB DATO' SRI HASAN BIN ARIFIN, PENGERUSI JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN BERHUBUNG PEMBENTANGAN
LAPORAN PAC PARLIMEN PENGURUSAN SYARIKAT PIHAK BERKUASA KEMAJUAN
PEKEBUN KECIL PERUSAHAAN GETAH (RISDA) DI BAWAH KEMENTERIAN KEMAJUAN
LUAR BANDAR DAN WILAYAH.**

- 1) PAC Parlimen hari ini, membentangkan Laporan PAC berhubung Pengurusan Syarikat Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah di Dewan Rakyat.
- 2) Isu ini dibangkitkan dalam pembentangan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2014 Siri 1 yang dibentangkan di Dewan Rakyat pada 6 April 2015 dan LKAN Tahun 2014 Siri 2 yang dibentangkan di Dewan Rakyat pada 15 Jun 2015.
- 3) Syarikat-syarikat RISDA yang terbabit dalam prosiding PAC Parlimen ini adalah Syarikat ESPEK Sdn Bhd, ESPEK Plantation Sdn Bhd, ESPEK Livestock Sdn Bhd, RISDA Bina Sdn Bhd dan Kolej RISDA.
- 4) Berikutan itu, PAC Parlimen memulakan prosiding untuk isu Pengurusan Syarikat Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) pada 16 Jun 2015 dengan memanggil Datuk Seri Ibrahim Muhamad, Ketua Setiausaha Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah serta Dato Sri Wan Mohamad Zuki Mohamad, Ketua Pengarah RISDA bagi memberikan penjelasan di hadapan Jawatankuasa ini terhadap segala isu yang dibangkitkan.
- 5) Dalam prosiding berkenaan, PAC Parlimen membangkitkan isu-isu seperti berikut:
 - i) Prestasi Pengurusan Ladang dan Kelapa Sawit Yang Menurun;
 - ii) Kadar Perahan Minyak (OER) Yang Tidak Tercapai;
 - iii) Masalah Kekurangan Jentera dan tenaga Kerja di Ladang-Ladang RISDA;
 - iv) Penternakan Lembu dan Kambing;
 - v) RISDA Bina; dan
 - vi) Kolej RISDA.

6) Berdasarkan kenyataan daripada saksi-saksi yang dipanggil memberikan keterangan di hadapan PAC Parlimen, Jawatankuasa ini sebulat suara merumuskan bahawa:

- i) Tiada pembaziran dan penyelewengan berlaku terhadap pengurusan syarikat-syarikat di bawah RISDA serta berpuas hati dengan setiap penjelasan yang diberikan.

7) Berdasarkan rumusan berkenaan, PAC Parlimen mengesyorkan kepada Kerajaan perkara-perkara seperti berikut untuk tujuan penambahbaikan akan datang:

- i) RISDA perlu memastikan anak syarikat dan subsidiarinya lebih tersusun serta berdaya saing bagi menjamin pekebun kecil secara keseluruhan.
- ii) Anak-anak syarikat RISDA perlu mengelakkan kebergantungan kepada syarikat induk dan meneroka pasaran luar.
- iii) Anak-anak syarikat perlu melupuskan perniagaan yang tidak mendatangkan pulangan dan keuntungan kepada syarikat sebagai contoh penternakan kambing boer.
- iv) Kerajaan terutama MoF perlu memberikan hala tuju dan garis panduan yang lebih jelas bagi membolehkan RISDA Bina membangunkan tanah milik RISDA untuk tujuan pembangunan sektor hartanah.
- v) Kolej RISDA perlu memantapkan program pengajian yang ditawarkan bagi mengurangkan peratusan pelajar yang berhenti dan gagal meneruskan pengajian agar objektif penubuhan Kolej RISDA dapat dicapai.
- vi) PAC Parlimen mahu RISDA mengemukakan laporan kemajuan Kolej Risda serta kebolehpasaran graduan Kolej Risda sejak penubuhannya kepada Jawatankuasa ini.
- vii) Kolej RISDA perlu mengkaji sama ada kursus-kursus yang ditawarkan dalam bentuk kemahiran dan teknikal berdasarkan permintaan pekerjaan serta memberi manfaat kepada graduan seterusnya membolehkan mereka mendapatkan pekerjaan.

8) Orang ramai yang berminat untuk membaca dan meneliti Laporan PAC Parlimen berhubung Pengurusan Syarikat RISDA di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah boleh memuat turun (download) laporan berkenaan di laman web PAC di alamat www.parlimen.gov.my/pac.

Yang Berhormat Dato' Sri Hasan Arifin
Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara
Parlimen Malaysia